

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, January 6, 2020 9:36 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Majlis Profesor UUM Tawan Bukit Bunga Raya Erat Silaturahmi



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

6 JANUARI 2020 / 10 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Prof. Dr. Che Su Mustaffa
Gambar oleh: Prof. Dr. Haslinda Ibrahim

MAJLIS PROFESOR UUM TAWAN BUKIT BUNGA RAYA ERAT SILATURAHIM



UUM ONLINE: Kedatangan tahun baharu 2020 baru-baru ini disambut dengan penuh meriah oleh seluruh rakyat Malaysia, tidak ketinggalan Majlis Profesor Universiti Utara Malaysia (MPUUM) yang memulakan sambutan tahun baharu ini dengan aktiviti riadah mendaki Bukit Bunga Raya.

Seramai 14 profesor telah menyertai aktiviti anjuran Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan, MPUUM yang bertujuan mengukuhkan semangat kerja berpasukan serta salah satu bentuk aktiviti yang bermanfaat kepada kesihatan.

Pengerusi MPUUM, Prof. Dr. Suhaidi Hassan berkata, aktiviti riadah itu adalah yang julung kali dianjurkan oleh MPUUM kerana sebelum ini kebanyakan aktiviti MPUUM tertumpu kepada akademik sahaja, tetapi kali ini turut diseimbangkan dengan aktiviti yang boleh meningkatkan hubungan silaturahmi sesama ahli.

Menurutnya, selain aktiviti mendaki bukit ini, MPUUM juga mengadakan aktiviti seperti Program Ziarah Kasih bagi mengenang rakan seperjuangan yang telah meninggal dunia dan majlis persaraan.

“Dari masa ke semasa, MPUUM cuba menganjurkan lebih banyak aktiviti sebegini iaitu di luar bidang akademik agar supaya hubungan sesama ahli MPUUM dapat dieratkan lagi.

“Bagi tahun ini pula, MPUUM merancang pelbagai aktiviti bagi menyerlahkan lagi peranan dan sumbangan profesor kepada UUM. Selain Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan ini, MPUUM juga menubuhkan lima kluster akademik yang menumpukan kepada penganjuran aktiviti yang berimpak tinggi kepada masyarakat dalam universiti dan masyarakat luar,” katanya.

Prof. Dr. Suhaidi berkata, beliau berharap agar MPUUM akan dapat memberikan pelbagai sumbangan kepakaran yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat sejajar dengan konsep ‘Universiti untuk Masyarakat’.

Katanya, dengan bertemakan ‘Menebar Ilmu, Menyemai Budi dan Menabur Bakti’, beliau berharap kewujudan MPUUM tidak hanya dirasai oleh warga kampus tetapi turut dimanfaatkan oleh masyarakat setempat dan negara.

Tambah beliau, lawatan akademik yang melibatkan universiti luar negara juga akan dianjurkan MPUUM, antaranya lawatan akademik ahli MPUUM ke universiti-universiti di Morocco pada 15 hingga 26 Januari ini.

“Lawatan ini akan membincangkan tentang kerjasama akademik yang dapat dilakukan secara bersama dengan universiti-universiti berkenaan,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.